



Anwar melakukan gimik perasmian Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan ke-52 sambil diperhatikan Ab Rauf dan Fadhlina di MITC, Ayer Keroh, semalam. (Foto Eizairi shamsudin/BH).

# Suntik semula minat pelajar dalam bidang sains, teknologi

Anwar mahu KPM tubuh segera pasukan khas cari jalan atasi kemerosotan

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Ayer Keroh:** Kementerian Pendidikan (KPM) diminta segera menubuhkan pasukan khas bagi mencari jalan dalam menyuntik kembali minat pelajar terhadap dalam bidang sains dan teknologi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta demikian selepas beliau meneliti kajian yang mendapati minat pelajar terhadap bidang terbabit semakin merosot khususnya di luar bandar serta keluarga miskin di bandar.

“Kajian awal kita dapati minat anak-anak terutama di desa, pedalaman dan miskin bandar dalam bidang sains dan teknologi merosot.

“Apa kelemahan dan kekurangan sekarang? Dalam laporan terakhir, minat anak-anak dalam bidang sains dan teknologi kurang.

“Jadi, saya sudah minta Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek) wujudkan pasukan khas untuk cari jalan menyuntik semula se-

mangat anak-anak (terhadap sains dan teknologi),” katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan ke-52, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Fadhlina.

Tegas Perdana Menteri, ada keperluan tinggi terhadap tenaga kerja dalam bidang sains dan teknologi seperti automotif dan teknologi hijau yang selalunya memabitkan nilai pelaburan besar.

“Dalam pelaburan automotif yang besar, teknologi hijau dan kenderaan elektrik, anak-anak dalam bidang itu amat diperlukan,” katanya.

Perdana Menteri turut mengarahkan KPM bersama Kementerian Kewangan memberi keutamaan atau laluan pantas untuk kerja memperbaiki dan membangunkan semula sekolah daif di seluruh negara.

“Situasi kritikal yang sekian lama membelenggu guru serta murid seperti isu tandas rosak, ini tidak seharusnya terjadi tatkala pertumbuhan ekonomi negara dalam keadaan membanggakan,” katanya.

## Kenaikan elaun dan gaji

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar berkata, guru antara kumpulan penjawat awam diberi keutamaan untuk mendapat kenaikan elaun dan gaji sekiranya pendapatan dan hasil negara bertambah baik.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Sambutan Ai-

dilfitri Perpaduan MADANI Masyarakat Bersama Polis peringkat Parlimen Tangga Batu, di sini, beliau berkata, kerajaan sedar ketika ini selain guru, gaji dan elaun penjawat awam seperti polis dan tentera adalah tidak mencukupi.

“Sementara itu kita akan usahakan supaya kedudukan ekonomi lebih mantap dan hasil bertambah dan saya telah umumkan keutamaan adalah untuk penjawat awam dan guru, termasuk polis dan tentera kerana kita sedar elaun dan gaji mereka tidak mencukupi, sepatutnya kita beri layanan lebih baik,” katanya.

Sementara itu, status orang kurang upaya (OKU) bukan penghalang buat Jasmi Md Tegol, 56, menabur bakti sebagai pendidik, sekali gus dipilih menerima Anugerah Guru Berwibawa pada Majlis Anugerah Hari Guru 2023.

Guru subjek Bahasa Melayu dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lubok China di Masjid Tanah, Alor Gajah itu, berkata gelaran OKU sejak berusia setahun setengah, menjadi semangat untuknya hidup seperti manusia normal lain.

“Saya anggap kekurangan diri sebagai peluang, bukan rintangan untuk bergelar pendidik dan anugerah yang saya terima ini juga atas kekurangan diri,” katanya yang juga Presiden Majlis Sukan dan Rekreasi OKU Malaysia.

Jasmi menerima wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan disampaikan Fadhlina.